

HAK DAN KEBEBASAN PEREMPUAN

SITI SARAH MENUNJUKKAN TELADAN DAN IKUTAN-IKUTAN

Sebagaimana yang telah dijanjikan di dalam makalah yang lalu maka di sini dibawa suatu riwayat yang bersejarah yang menunjukkan keadaan-keadaan dan teladan-teladan atas kita daripada kejadian tawarikh dan perjalanan hidup Siti Sarah yang sangat mustahak diteladani untuk menjadi pelajaran bagi tiap-tiap perempuan Muslimin oleh kerana di dalam riwayatnya itu ada tiga perkara yang terpuji (1) setia dan taat kepada suami, (2) menjaga kehormatan diri dan (3) redha mengorbankan kesenangan diri bagi maslahat orang lain.

APA DIA KEBEBASAN PEREMPUAN

(oleh Ummu Mohsin)

Siti Sarah ialah isteri kepada Nabi Allah Ibrahim Alaihi Salam iaitu seorang perempuan yang sangat cantik pada zamannya, luas dan cerdik akal fikirannya yang meliputi kepada syarat yang boleh disebut cantik zahir dan batinnya. Selain daripada cantiknya maka kesetiannya kepada suaminya adalah menakjubkan yang menjadikan sebab suaminya sangat cinta dan kasih kepadanya. Baik di dalam urusan apa jua pun ia tidak pernah derhaka kepada suaminya dan dengan sebab itu Allah telah berikan kehormatan yang besar kepadanya.

Setelah Nabi Ibrahim putus harap daripada berusaha menginsafkan kaumnya yang menyembah berhala kerana seruannya bukannya diterima dan disambut dengan baik bahkan mereka telah menganiaya Nabi Allah Ibrahim dengan berbagai-bagai cara sehingga ia telah dilemparkan ke dalam api tetapi Allah telah menyelamatkan Nabi yang utama itu dengan kerana itu maka iapun berhijrah bersama-sama isterinya ke Palestin.

Siti Sarah mengetahui akan darjat suaminya dan mengetahui kewajipan suaminya serta pangkatnya dan dengan mengetahui bahaya maut sedang mengancam suami dan dirinya sendiri maka permintaan berhijrah itu tidak

ditolaknya dan dengan tidak ada banyak cerewet dan tidak keras kepala iapun bersama-sama pergi berhijrah itu.

Dengan muka yang manis ia meninggalkan tanah airnya dan tanah air suaminya, kampung halaman dan rumahtangganya kerana taat setianya kepada suaminya dan kerana mengutamakan agama Allah.

Tidak lama di Palestin. Kedua suami isteri itu berpindah pula ke Mesir. Pada masa itu yang menjadi Raja Mesir ialah Pharaoh (Fir'aun) yang pertama. Tentang Raja ini ada bersalah-salahan pendapatnya, ada yang mengatakan yang menjadi Raja pada masa itu ialah Imlek yang termasyhur suka merampas isteri-isteri orang yang cantik.

Diringkaskan bahawa ketibaan Nabi Ibrahim dengan membawa isteri yang cantik molek itu telah sampai kepada pengetahuan Raja. Setibanya berita-berita itu kepadanya maka dengan segera ia mengirinkan seorang utusan kepada Nabi Ibrahim memerintahkan supaya datang dengan segera ke istana. Setibanya Nabi Ibrahim ditanya tentang Siti Sarah itu Nabi Ibrahim menyatakan bahawa Siti Sarah ialah saudaranya sebab jikalau dikatakan kepadanya isterinya maka sudah tentu ia akan dibunuh dan isterinya akan dirampas kerana demikian itulah tabiat Raja tadi melakukan apabila ia hendak mengambil isteri orang.

Pengakuan Nabi Ibrahim ini bukannya dusta tetapi ialah helah untuk menyelamatkan diri dan isterinya. Ia menggunakan perkataan saudara itu bukannya saudara seibu sebapa dengan Sarah tetapi ialah saudara seagama sebagaimana diterangkannya kepada isterinya ketika balik daripada istana Raja itu. Tidak lama antaranya Siti Sarah telah ada di istana Raja yang ganas itu. Ia hendak dijadikan isterinya tetapi Siti Sarah enggan dan menolak. Pada suatu malam Raja itupun mimpi dan di dalam mimpinya itu ia mengetahui bahawa Siti Sarah tadi mempunyai suami. Dengan itu putus harapan Raja tadi dan timbul ketakutan di dalam hatinya dan dengan sebab itu ia balikkan Siti Sarah kepada Nabi Ibrahim dan disertakan beberapa hadiah di antaranya seorang perempuan bangsa Kubti yang bernama Hajar.

Pada lain riwayat pula diceritakan bahawa tatkala Raja tadi hendak menyentuh badan Siti Sarah tiba-tiba tangannya kaku tertahan di dadanya tak dapat dihulurkannya, melihat keadaan demikian maka timbul takutnya dan khuatirnya kepada Siti Sarah maka iapun berkata: "Cubalah engkau mintakan kepada Tuhanmu supaya tanganku dilepaskannya. Demi sesungguhnya aku tidak akan menganggunu lagi.

Mendengar permintaan Raja yang berupa bertaubat itu Sarah memohon kepada Allah dengan katanya: "Ya Allah! Jika benar apa yang dikatakannya itu lepaskanlah tangannya."

Kemudian tangan Raja itupun balik seperti sediakala. Ada yang mengatakan Raja itu melakukan perbuatan hingga tiga kali dan di dalam masa tiga kali itu juga tangannya kaku – tak dapat dihulurkannya. Dengan sebab ketakutannya kepada Sarah maka sebagai kehormatan kepadanya lalu dipulangkannya kepada Nabi Ibrahim lalu diberikannya pula seorang hamba perempuan sebagaimana disebut tadi. Hal keadaan ini tentulah disambut dengan sukacita dan bersukaria dan Sarah pun balik kepada suaminya menceritakan semua kejadian yang telah berlaku itu.

-----*-----*-----

Umur kedua-dua suami isteri itu telah lanjut dan mereka sehingga kepada masa itu tidak mendapat seseorang

anak pun. Keadaan perkahwinan itu berumahtangga yang tidak mempunyai anak itu tentulah senyap sunyi dan akan membawa putus keturunan serta tidak ada penglipur lara yang menenangkan fikiran dalam masa susah dan tidak ada tempat untuk mencurahkan kasih mesra dan bertanggungjawab.

Orang-orang yang insaf yang mengetahui harga keturunan dan mengetahui maksud dan tujuan bersuami isteri tentulah akan berdaya upaya berikhtiar mencari jalan untuk mendapat anak dan sebab itulah kita dapati orang-orang yang tidak beranak itu hempas pulas ke sana ke mari sehingga ada yang melakukan pekerjaan-pekerjaan yang syirik meminta kepada Datuk Anu atau Habib Anu kerana meminta anak tetapi ia tidak meminta kepada Allah.

Dengan keadaan-keadaan yang demikian itu juga jika daripada pihak isteri tidak mendapat anak maka adakalah suami atau isteri itu atau pun kedua-duanya sekali mengambil anak orang lain dijadikannya sebagai anaknya sendiri dan adakalanya pula suami terpaksa beristeri perempuan lain supaya ia mendapat anak.

Keadaan yang demikian ini adalah diderita dan dirasa oleh Siti Sarah bahkan lebih daripada itu ia bercintakan supaya dia mendapat anak. Ia telah lama bersuamikan Nabi Ibrahim dan harapannya mendapat anak tidak ada lagi kerana dirinya dan diri suaminya telah tua dan kerana kuat kemahuannya serta inginnya hendak mendapat walaupun bukan daripada anaknya sendiri itulah menjadi sebab pada suatu hari dengan lemah lembut ia berkata kepada suaminya demikian: "Kakanda! Menurut pandangan saya Hajar ini seorang perempuan yang bersih lagi baik. Alangkah baiknya sekiranya kekanda jadikan ia isteri mudah-mudahan Allah kurniakan anak daripadanya."

Ini ialah suatu perkataan dan hadiah yang sukar didapati payah dicari. Seseorang isteri walaupun ia taat dan berbakti kepada suaminya belum tentu ia mahu mengkahwinkan suaminya kepada perempuan lain walaupun pada dirinya telah putus harap daripada mendapat anak ataupun pada dirinya tidak lagi mampu menjalankan kewajibannya

kepada suaminya.

Perdirian Siti Sarah yang berterus terang ini patut dipuji. Ia mengetahui keadaan dirinya tua, ia mengetahui yang ia tidak ada harapan untuk beranak yang menjadi sebab bagi memutuskan keturunan pada masa yang akan datang ; ia tidak sayang mengorbankan kesenangannya ke atas perempuan yang sebangsa dengannya yang menjadi miliknya sendiri. Pemberian isteri itu telah diterima oleh Nabi Ibrahim dengan baik dan dengan tidak lama antaranya dengan kurnia Allah Siti Hajar telah dikurniakan seorang anak lelaki yang kemudian dinamakan Ismail yang menjadi seorang lelaki yang redha mengorban jiwanya kerana taat kepada ayahnya untuk menjunjung perintah Allah yang dijadikan korban dan daripada Ismail inilah membawa keturunan kepada junjungan kita Muhammad (SAW).

Tuhan sangat kaya dan Maha Kuasa. Ia memberi nikmat-nikmat yang tunai kepada orang yang tulus ikhlas dan bersih perdirianya. Setelah Siti Hajar mendapat seorang anak lelaki itu maka Allah Taala memberi khabar bahawa Siti Sarah akan mendapat seorang anak. Siti Sarah pada masa itu berusia 99 tahun dan Nabi Ibrahim berusia 120 yang pada akal dan adat manusia bahawa dalam usia yang demikian itu tidak ada harapan mendapat anak tetapi Allah sangat berkuasa dan tidak sesiapa pun yang dapat menghalang segala kehendak-kehendaknya.

Yang demikian ini diterangkan oleh Allah di dalam Al-Quran yang maksudnya : “ Sesungguhnya telah datang utusan-utusan kami (malaikat) kepada Ibrahim membawa khabar bahagia; mereka berkata kesejahteraan (atasmu). Ia menjawab: (atas kamu pun) kesejahteraan. Tidak berapa lama datanglah ia membawa anak lembu yang dipegang. Tatkala ia melihat tangan-tangan malaikat tidak sampai kepada makanan itu khatirlah ia kepada mereka dan ia menyembunyikan ketakutannya kepada mereka. Malaikat berkata – Janganlah engkau takut kami diutus kepada kaum Luth dan isterinya yang melayaninya tertua maka kami khabarkan bahagia kepadanya tentang Ishak dan kemudian daripada Ishak Yaakob. Sarah berkata – Ganjil!

Adakah aku akan beranak kalau aku sudah dan suamiku tua?! Sungguh ini suatu keganjilan! Malaikat berkata - patutkah engkau hairan tentang kekuasaan Allah ? Kurnia Allah dan berkatnya atas kamu (Hai) ahli rumah kerana ia itu Maha Terpuji, Maha Mulia. Tatkala hilang ketakutan Ibrahim dan datang khabar bahagia itu kepadanya, (lalu) ia membantah kami tentang kaum Luth. Sesungguhnya Ibrahim itu sangat penahan marah, banyak taubat menyerah diri kepada Allah.”

Demikianlah khabar bahagia yang diterima oleh Nabi Ibrahim dengan isterinya Sarah. khabar yang ia akan mendapat seorang anak lelaki Ishak namanya dan setelah Ishak akan mendapat pula seorang anak lelaki Yaakob namanya dan Yaakob inilah yang dinamakan Israel dan anak cucunya dinamakan Bani Israil yang sekarang disebut Yahudi.

Dari anak cucu Sarah inilah banyak yang menjadi Nabi, orang-orang salih, Raja-raja yang besar kekuasaannya dan mempunyai kekayaan yang luar biasa. Setelah Sarah menzahirkan anak lelakinya Ishak maka tak lama kemudian ia meninggal dunia di Kanaman dalam usianya 120 tahun dan ada yang mengatakan 127 tahun dan dimakamkan di sebuah kebun Nabi Ibrahim.

Siti Sarah meninggalkan satu riwayat yang tak mudah dilupakan orang. Cantiknya payah tandingnya sehingga Raja Mesir hendak merampasnya untuk dijadikan isteri tetapi tulus ikhlas hatinya menegahnya mengikut kehendak nafsu yang buas itu sebab ia mempunyai suami yang dalamnya tidak patut ia berlaku curang dan jahat; keredhaannya untuk mengorbankan kesenangannya bagi membela seorang kaum ibu dan bagi menjaga kesenangan suaminya sangat sukar mencari bandingnya dan memang payah didapat di dalam lingkungan kaum ibu. Setia dan taat kepada suaminya hingga ia redha meninggalkan tanah airnya, harta bendanya dan rumahtangganya untuk membela suami dan bagi menjalankan titah perintah Allah semua sifat-sifat dan keadaan-keadaannya itu adalah semerbak namanya dalam lingkungan kaum ibu dan tidak mudah dilenyapkan dari ingatan manusia.

Menimbang rasa dan mengetahui kadar serta kedudukan

IKHWANUL MUSLIMIN MESIR MENGEMBANGKAN SAYAPNYA SEMULA

Pertubuhan Ikhwanul Muslimin yang berpusat di Mesir yang mempunyai ahli-ahlinya tidak kurang daripada 6 million orang di merata-rata ceruk rantau negeri-negeri Arab yang ditubuhkan lebih kurang pada tahun 1930 yang diketuai oleh Almarhum As-Syeikh Hassan Al-Banna seorang guru yang hidup sederhana serta dihormati oleh pengikut-pengikutnya dengan kerana tulus ikhlasnya dan dengan kerana tidak membesarkan diri sebagaimana adanya ketua-ketua pertubuhan lain yang kaya raya dan hidup mewah dengan mempunyai mahligai yang bagus tetapi baginya, dalam masa hatinya, ia hidup dalam sebuah bilik yang boleh dibilangkan keadaannya sama dengan keadaan orang ramai yang dipimpinya.

Ikhwanul Muslimin Mesir adalah diasaskan berpandu kepada pengajaran Al-Quran dan Al-Hadis semata-mata dan menggalakkan tiap-tiap ahlinya menunaikan kewajibannya berjihad kepada jalan Allah berkorban dan berikhtiar dengan sedaya upaya mereka meninggikan segala perintah-perintah dan menjauhkan daripada segala kemegahan yang membawa kepada kemudharatan hidup terutama di dalam negeri-negeri Arab di mana kaum-kaum hartawan itu telah lupa kepada kewajibannya, telah lupa kepada persamaan dan persaudaraan yang ditaja oleh Islam sehingga dengan kerana perbuatan-perbuatan dan kelakuan-kelakuan orang-orang yang hartawan dan berpangkat tinggi maka hiduplah di dalam negeri yang mula terbit-terbit Islam itu perasaan bertinggi rendah yang dikenal oleh orang-orang sekarang dengan gelaran “ Feudal “ di dalam mana cara yang demikian telah dikikis oleh Islam pada mula-mulanya dahulu.

Dengan sebab perasaan dan persaudaraan itulah Ikhwan al-Muslimin menjadi suatu pertubuhan yang kuat dan banyak mempunyai pengikut-pengikut terutamanya pengasas-pengasasnya terdiri suami dalam tanggungan-tanggungannya itu adalah menjadi suatu kewajiban kepada tiap-tiap kaum perempuan. Walaubagaimanapun payahnya kita mesti redha kepada yang ada dan kita mesti redha kepada pendapatan-pendapatan yang di[erolehinya. Di dalam masa ia susah janganlah kita melebihkan menyusahkan hatinya tetapi hendaklah kita sedaya upaya menyenangkan dan melipurkan hatinya dan dengan cara yang demikian inilah akan menjadi suami itu jinak di rumahtangga dan memandang bahawa rumahtangganya itu ialah syurga untuk menyenangkan hatinya dan dengan demikian ia akan jinak di dalam rumahtangganya.

daripada orang-orang yang mengasaskan tarafnya sama dengan orang ramai dan bertujuan mengikut jejak sebagaimana yang diasaskan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) dan ditunjukkan oleh khalifah-khalifahnyanya yang berempat, sehingga dengan cita-cita yang demikian itulah hidup perasaan di dalam tiap-tiap seorang ahli-ahlinya bercita-cita akan mendirikan pengajaran-pengajaran Islam kepada asasnya yang semula dengan menghapuskan semula khurafat-khurafat yang dibangsakan kepada agama sebagaimana yang telah berakar berumbi hidup di dalam sanubari dan jiwa sebahagian besar daripada orang-orang Arab terutamanya daripada hartawan-hartawannya yang telah lupa kepada tanggungan-tanggungannya kepada saudara-saudaranya yang miskin dan mudarat hidupnya.

Tetapi sebagaimana telah difirmankan oleh Allah bahawa seseorang itu tidak akan diakui beriman sekiranya ia belum dicuba dan demikian itulah yang dihadapi oleh Ikhwanul Muslimin Mesir kerana telah dating percubaan kepada mereka ketika terjadi pembunuhan Perdana Menteri Mesir, Nakrasyi Basya, sedikit masa yang lalu maka pihak pertubuhan As-Saadie iaitu pertubuhan yang dipimpin oleh Nakrasyi sendiri telah menuduh bahawa Nakrasyi itu dibunuh oleh seorang ahli Ikhwanul Muslimin dan harus boleh jadi dengan sebab sangkaan yang demikian itu maka pihak pertubuhan itu menuntut bela dan membunuh As-Syeikh Hassan Al-Banna ketua Ikhwanul Muslimin yang berjasa dan ikhlas itu. Pembunuhnya tidak diketahui orangnya sehingga hari ini. Pihak yang berpendapatan demikian mengambil dalil bahawa tatkala kerajaan Mesir bertindak mengharamkan pertubuhan Ikhwanul Muslimin maka pada masa itu As-Syeikh Hassan Al-Banna tidak